



Pemain Serdang Angels meraikan kejuaraan kali keenam di UPM semalam. (Foto Zunnur Al Shafiq/BH)

Serdang Angels terlalu gagah buat UiTM Lions

Serdang: Seperti dijangka, pasukan Serdang Angels terbukti sukar ditandingi pasukan lain apabila memperoleh kejuaraan keenam Kejohanan Ragbi Super 8 selepas menewaskan UiTM Lions, 35-8, pada aksi final di Stadium Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, petang semalam.

Seperti perlawanan final ulangan pada edisi lalu, pasukan UPM ini yang membariskan tiga pemain kebangsaan iaitu Mohamad Khairul Abdullah Ramli, Lawrence Petrus dan Amirul Mukminin Amizan mencatat 14-5 pada babak pertama.

Memasuki babak kedua, Serdang Angels melakukan beberapa pertukaran dan hasilnya mereka tampil dengan permainan lebih kemas. Mohamad Syarif Saiful Aazwan Sudin memastikan pasukan mereka selesa di depan menerusi try pada minit ke-49 sebelum Muhammad Hafzan Bakri Md Roni membantu mendahului 28-5.

Pemain gantian, Muhammad Aziem Badaruddin melengkapkan kejayaan Serdang Angels selepas menyudahkan try pada minit ke-70 sebelum Muhammad Faizal Md Tahir menyempurnakan conversion



selepas itu.

UiTM Lions menambah tiga mata selepas itu menerusi penalti namun ia belum cukup untuk menghalang UPM Ser-

dang Angels muncul juara menerusi keputusan 35-8.

Ketua Jurulatih Serdang Angels, Khairizal Ali Amat berpuas hati dengan persembahan anak buahnya itu yang meneruskan momentum cemerlang apabila sebelum ini turut muncul juara pada Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM).

Katanya, kejayaan terbaru itu sekali gus melengkapkan rekod kemenangan bersih mereka dengan membolehkan UPM Serdang Angels mencatatkan kejuaraan sejak Ragbi Super 8 mula dianjurkan sejak enam tahun lalu.